

Pokok bunga hiasan dipijak pengunjung, sampah sarap ditinggalkan tepi jalan

Kosmo 4/9/2022 m/s 16

DBKL rugi RM700,000, landskap rosak

Oleh AHMAD SHAHERMAN
SHAMSURI

KUALA LUMPUR – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengalami kerugian kira-kira RM700,000 apabila landskap yang dihiasai pokok bunga hiasan rosak pada sambutan Hari Kebangsaan, Rabu lalu.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, kerosakan yang dialami sekitar Dataran Merdeka dan sepanjang laluan perarakan itu berlangsung akibat kehadiran pengunjung yang ramai.

Katanya, pada hari tersebut dianggarkan lebih 100,000 pengunjung memeriahkan sambutan tersebut dan jumlah itu merupakan rekod baharu dicatatkan DBKL.

“Kehadiran pengunjung yang begitu ramai semasa sambutan Hari Kemerdekaan lepas, beberapa landskap di kawasan sekitar Dataran Merdeka telah rosak. Kerugian dianggarkan lebih RM700,000.



SEBAHAGIAN pokok bunga hiasan yang rosak akibat dipijak pada sambutan Hari Kebangsaan 2022 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 Ogos lalu.

“Saya rasa ini agak luar biasa dan mungkin rekod baharu (jumlah

pengunjung) untuk Kuala Lumpur ketika sambutan Hari

Kebangsaan,” katanya ketika ditemui pada Majlis Malam Peng-

hargaan Media Kuala Lumpur 2022.

Mengulas lanjut, Mahadi berkata, pihaknya akan melakukan siasatan terperinci ke atas insiden tersebut dan pada masa sama mengeluarkan satu garis panduan bagi mengelakkan kejadian berkenaan berulang.

“Perkara ini menjadi pengajaran kepada DBKL dan mesyuarat *post mortem* akan diadakan minggu hadapan untuk membincangkan dari segi persiapan, pengendalian untuk membantu Kementerian Komunikasi dan Multimedia menguruskan Hari Kemerdekaan.

“Dari situ kita akan keluaran (pelan) tindakan dan penyelesaian jika kita mengadakan acara lain di Dataran Merdeka pada masa akan datang,” ujarinya.

Tambah Mahadi, selain masalah kerosakan pokok hiasan, terdapat banyak sampah seperti botol minuman di tepi jalan dan kawasan landskap ditinggalkan oleh pengunjung pada hari tersebut